

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 22.11.2016 (SELASA)

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kejayaan yang telah berjaya dilakukan oleh Majlis Harga Negara di dalam menstabilkan harga barang menerusi aspek pemantauan, penyeliaan dan struktur pasaran persaingan serta adakah ia masih relevan untuk diwujudkan memandangkan harga barang masih lagi tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu harga barangan keperluan pengguna yang akan memberikan kesan ke atas kos sara hidup rakyat terutamanya B40. Harga barangan yang dijual di pasaran domestik dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tingkat penawaran dan permintaan, kadar pertukaran mata wang asing, faktor cuaca, kekangan kos pengeluaran seperti upah buruh dan kos bahan bakar.

Antara usaha yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang kenaikan harga barangan asas terus berlaku adalah seperti berikut:

1. Program Pemantauan Harga

Kementerian telah dan sedang menggerakkan **1,067** orang Pegawai Pemantau Harga untuk memperhebatkan pemantauan harga di premis-premis perniagaan secara harian, mingguan dan bulanan bagi memantau harga barangan dan mengesan kenaikan harga di pasaran seluruh negara

Sekiranya terdapat kenaikan harga secara mendadak, maklumat tersebut akan disalurkan kepada Penguatkuasa KPDNKK untuk tindakan siasatan.

2. Penguatkuasaan Undang-undang

- i) Memperkasakan penguatkuasaan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara berlebihan oleh peniaga;
- ii) Meneruskan pelaksanaan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP)** bagi enam (6) perayaan utama dengan menetapkan harga siling bagi setiap barangan terpilih bagi menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah berdasarkan kepada permintaan tinggi semasa musim perayaan;
- iii) mewajibkan peniaga runcit meletakkan **tanda harga** ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga;
- iv) mengadakan kerjasama secara **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)** dengan agensi-agensi Kerajaan, khususnya yang mengawal selia bekalan barang-barang keperluan utama bagi menjamin bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi dalam pasaran domestik; dan
- v) **berkerjasama dengan agensi serta badan bukan kerajaan (NGO)** seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), *Friends of KPDNKK*, Pegawai Hal Ehwal Pengguna Daerah (PHEPD), Skuad Pengguna, Penghulu, Penggawa, Ketua Masyarakat dan Persatuan Pengguna bagi menyalurkan maklumat kepada Kementerian sekiranya wujud sebarang tindakan menyorok bekalan, menaikkan harga atau mencatut oleh peniaga.

3. Program Penyeragaman Harga

Penyeragaman harga barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, gas memasak (LPG), petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan Kerajaan melalui **Program Penyeragaman Harga** dan 1Malaysia 1Harga.

Melalui inisiatif-inisiatif yang disebutkan, Kerajaan berharap isu harga barang dan kos sara hidup dapat ditangani dengan bijak hasil kerjasama dengan pelbagai pihak dan fungsi Sekretariat Majlis Harga Barang Negara terus diperkasakan lagi bagi membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat.